

## **GARIS PANDUAN PENERBITAN BAHAN MEDIA** **MELIBATKAN YAB KETUA MENTERI MELAKA**

- 1.0 Penerbitan Media di semua agensi bagi penganjuran majlis/program perayaan seperti sambutan Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali, Tahun Baru dan lain-lain progam (akan dimaklumkan dari semasa ke semasa) mestilah menggunakan reka bentuk yang diterbitkan oleh Pejabat Ketua Menteri Melaka sahaja.
- 2.0 Semua Jabatan/ Agensi/ Pihak Berkuasa Tempatan Kerajaan Negeri Melaka diminta untuk mendapatkan kebenaran dan pengesahan daripada Pejabat Ketua Menteri Melaka terlebih dahulu sebelum menggunakan gambar YAB Ketua Menteri Melaka di dalam media cetak dan/atau elektronik.
- 3.0 Gambar YAB Ketua Menteri hanya boleh digunakan bagi program yang akan dihadiri oleh beliau.
- 4.0 Logo Melaka Berwibawa yang rasmi mestilah diletakkan di dalam setiap bahan media yang dihasilkan oleh Jabatan/ Agensi/ Pihak Berkuasa Tempatan Kerajaan Negeri Melaka masing-masing.
- 5.0 Saiz Logo Melaka Berwibawa hendaklah lebih besar berbanding logo-logo agensi atau penaja di dalam bahan media yang dihasilkan oleh Jabatan/ Agensi/ Pihak Berkuasa Tempatan Kerajaan Negeri Melaka masing-masing.
- 6.0 Semua Jabatan/ Agensi/ Pihak Berkuasa Tempatan Kerajaan Negeri Melaka diminta untuk menjaga aurat subjek yang diambil seperti pesakit yang sedang terlantar dan menggunakan model yang menjaga aurat untuk semua bahan yang ingin diterbitkan kecuali model itu bukan beragama Islam.
- 7.0 Semua Jabatan/ Agensi/ Pihak Berkuasa Tempatan Kerajaan Negeri Melaka mestilah mendapatkan kebenaran dan pengesahan terlebih dahulu daripada pihak yang berkenaan apabila ingin menggunakan mana-mana footage, subjek atau model untuk semua bahan media yang ingin diterbitkan.
- 8.0 Gambar YAB Ketua Menteri Melaka tidak perlu letakkan dalam backdrop majlis/program yang dihadiri oleh beliau.
- 9.0 Hastag #MelakaBerwibawa# dan #PintarHijauBersih# mestilah diletakkan di semua *posting* di media sosial